

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Okttober/November 1991

YUP 401 - Polisi dan Perancangan Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Terdapat sepuluh (10) panduan (prinsip) untuk kebebasan yang dikemukakan oleh Profesor Pool dalam bukunya, Technologies of Freedom yang dapat diterapkan dalam semua sektor media. Bincangkan:
  - (i) semua keterangan dan sebab yang digunakan oleh Profesor Pool untuk menyokong panduan-panduan ini,  
dan
  - (ii) mana-mana satu panduan yang dicadangkan olehnya.

(25 markah)
2. (a) Apakah yang dicadangkan oleh Nora dan Minc sebagai perkembangan utama teknologi yang akan mengubah "data processing" dan menjadikannya "telematics"?
  - (b) Apakah langkah-langkah yang difikirkan perlu bagi Perancis untuk menghadapi cabaran "computerisation" ini?
  - (c) Adakah anda berpendapat bahawa langkah-langkah dalam (b) munasabah bagi Malaysia? Berikan sebab-sebabnya.

(25 markah)
3. Bincangkan kebaikan dan keburukan bagi sesebuah negara membangun seperti Malaysia menandatangani Konvensi Hak Cipta Berne.  

(25 markah)
4. Apakah pelbagai andaian tersirat yang mendorong penggunaan model-model yang berbeza bagi mengawal media di Amerika Syarikat seperti model percetakan, model penyiaran yang dikawal dan model pembawa umum?  

(25 markah)

...2/-

5. Dalam artikelnya, Michael Anderson menghuraikan beberapa sebab mengapa langkah-langkah untuk mengawal pengiklanan di negara membangun tidak berfungsi.

Apakah langkah-langkah itu dan apakah yang menyebabkan kegagalannya? Bagaimanakah anda dapat mempertingkatkan langkah-langkah kawalan itu?

(25 markah)

6. Dalam mengaplikasi Pindaan Pertama, mahkamah di Amerika Syarikat telah menggunakan berbagai-bagai konsep seperti:

- (a) bahaya semasa yang jelas (clear and present danger)
- (b) ujian keseimbangan (balancing test), dan
- (c) kedudukan yang lebih diingini (preferred position)

untuk menyokong pendirian tentang sesuatu dasar tertentu.

Bincangkan setiap konsep tersebut dengan memberi penekanan khusus terhadap pendirian dasar yang ditunjukkan/dinyatakan.

(25 markah)

7. Banding dan bezakan ketiga-tiga model kawalan utama yang digunakan untuk media percetakan, media penyiaran dan media pembawa umum di Amerika Syarikat.

(25 markah)

-0000000-